

**PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
NO. MBJ: 9481001**

1. KEAHLIAN

1.1 Majlis Bersama Jabatan bagi **Majlis Bandaraya Seremban** (selepas ini disebut sebagai '**Majlis**') hendaklah mengandungi **tiga puluh lapan (38)** orang ahli secara keseluruhannya termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha-setiausaha yang terdiri daripada **Datuk Bandar** selaku Pengerusi dan **lapan belas (18)** orang ahli yang dilantik oleh **Datuk Bandar** (selepas ini disebut sebagai '**Pihak Pegawai**') dan **sembilan belas (19)** orang ahli yang dipilih oleh pekerja-pekerja yang berkhidmat di **Majlis Bandaraya Seremban** (selepas ini disebut sebagai '**Pihak Pekerja**').

2. PIHAK PEGAWAI

2.1 Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat di **Majlis Bandaraya Seremban** seperti berikut:

- | | |
|--|-------------|
| i. Datuk Bandar | - Pengerusi |
| ii. Setiausaha | - Ahli |
| iii. Pengarah Kejuruteraan | - Ahli |
| iv. Pengarah Kewangan | - Ahli |
| v. Pengarah Kawalan Bangunan | - Ahli |
| vi. Pengarah Teknologi Maklumat & Komunikasi | - Ahli |
| vii. Pengarah Undang-undang & Penguatkuasaan | - Ahli |
| viii. Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta | - Ahli |
| ix. Pengarah Perancangan Pembangunan | - Ahli |
| x. Pengarah Pembersihan & Kesihatan Persekitaran | - Ahli |

xi. Pengarah Taman & Landskap	- Ahli
xii. Pengarah Pembangunan Masyarakat & Pelancongan	- Ahli
xiii. Ketua Unit Komunikasi Korporat	- Ahli
xiv. Ketua Unit Integriti	- Ahli
xv. Ketua Unit OSC	- Ahli
xvi. Ketua Unit COB	- Ahli
xvii. Ketua Penolong Setiausaha	- Ahli
xviii. Ketua Unit Audit Dalam	- Ahli
xix. Pengarah Khidmat Pengurusan	- Setiausaha

2.2 Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai ini hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing dan tiada had tempoh memegang jawatan di dalam Majlis.

3. PIHAK PEKERJA

3.1 Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja di **Majlis Bandaraya Seremban, Gred 48 dan ke bawah, tidak terlibat dalam membuat keputusan, bukan merupakan Ketua Bahagian/ Unit** dan dipilih oleh pekerja-pekerja itu sendiri. Peraturan bagi pemilihan ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang akan disediakan buat permulaan oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pekerja-pekerja dalam **Majlis Bandaraya Seremban** dan diluluskan oleh **Datuk Bandar**. Ahli-ahli Pihak Pekerja adalah seperti berikut:

- | | |
|---|-----------|
| (i) Wakil Kumpulan Pengurusan & Profesional
Gred 41 – 48 | - 3 orang |
| (ii) Wakil Kumpulan Pelaksana
Gred 29 – 40 | - 3 orang |
| (iii) Wakil Kumpulan Pelaksana
Gred 19 - 28 | - 4 orang |

- | | |
|---|-----------|
| (iv) Wakil Kumpulan Pelaksana
Gred 11 – 18 | - 5 orang |
| (v) Wakil Kesatuan ANULAE | - 4 orang |

3.2 Pemilihan Pengerusi dan Setiausaha Pihak Pekerja adalah dibuat dari kalangan ahli-ahli Pihak Pekerja yang dipilih dan pemilihan itu hendaklah dibuat oleh Pihak Pekerja sendiri tanpa campur tangan dari Pihak Pengurusan. Pengerusi Pihak Pekerja akan menjadi Naib Pengerusi kepada MBJ manakala Setiausaha Pihak Pekerja akan menjadi Setiausaha Bersama.

3.3 Kekosongan yang berlaku di dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh calon-calon daripada **Kumpulan/ Gred/ Kesatuan** yang melantik wakil yang mengosongkan jawatan itu, atau pekerja-pekerja itu sendiri.

3.4 Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua (2) tahun mulai daripada tarikh pelantikan mereka dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik/ dipilih.

4. PEGAWAI – PEGAWAI MAJLIS

Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada ahli yang dipilih dan menjadi Pengerusi Pihak Pekerja. Setiausaha Pihak Pegawai dan Setiausaha Pihak Pekerja menjadi Setiausaha Bersama bagi Majlis.

5. TUJUAN

5.1 Tujuan Majlis adalah:

- a) untuk memperolehi seluas-luas kerjasama yang menyeluruh di antara **Majlis Bandaraya Seremban** dengan pegawai-pegawai yang bergaji di dalam **Majlis Bandaraya Seremban** dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja yang berkenaan; dan
- b) untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja dan amnya untuk mengumpul pelbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil-wakil rasmi **Majlis Bandaraya Seremban**.

6. BIDANG DAN FUNGSI

6.1 Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara - perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis seperti berikut:

- a) membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada kaitan dengan pentadbiran yang berkenaan **kecuali** perkara-perkara yang melibatkan dasar Kerajaan dan hal-hal perseorangan;
- b) membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan;
- c) menggatakkkan kakitangan menerusi pengambilan bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk mendapat pengetahuan yang lebih lagi mengenai pentadbiran pelbagai jabatan; dan

- d) mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan **organisasi Majlis Bandaraya Seremban** serta peruntukan bagi menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara ini.

7. MESYUARAT – MESYUARAT

- 7.1** Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan **tiga (3) kali setahun, iaitu sekali dalam tempoh empat (4) bulan.**
- 7.2** Kuorum bagi mesyuarat Majlis hendaklah tidak kurang daripada **50%** iaitu **sepuluh (10)** orang ahli Pihak Pegawai dan **50%** iaitu **sepuluh (10)** orang ahli Pihak Pekerja.
- 7.3** Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha-setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada **tujuh (7) hari** sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda, hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi Majlis.
- 7.4** Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi atau Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh Pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah **terhad** kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis panggilan mesyuarat berkenaan.
- 7.5** Sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis, maka **ahli Pihak Pegawai terkanan** boleh mempengerusikan mesyuarat Majlis dengan kebenaran daripada Pengerusi. Dalam apa keadaan sekalipun, Naib Pengerusi iaitu Pengerusi Pihak Pekerja **tidak boleh mempengerusikan** mana-mana mesyuarat Majlis.

7.6 Minit Mesyuarat MBJ hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Pihak Pegawai dan Setiausaha Pihak Pekerja.

8. KEPUTUSAN

8.1 Segala keputusan Majlis hendaklah dicapai secara **persetujuan bersama** di antara Pihak Pegawai dengan Pihak Pekerja.

8.2 Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan-jabatan lain dan tidak pula bertelingkah dengan dasar Kerajaan, bolehlah diselenggarakan atau dilaksanakan terus oleh **Majlis Bandaraya Seremban**. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan ataupun dengan Jabatan-jabatan lain ianya hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun jabatan-jabatan yang berkenaan.

9. PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAN

9.1 Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana mesyuarat Majlis dengan persetujuan **tidak kurang daripada 50% ahli Pihak Pegawai** dan **50% ahli Pihak Pekerja**. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya **tujuh (7) hari** sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan.

*Nota :

RUJUKAN : JPA.600-22/2/527 (20)
TARIKH KELULUSAN : 15 FEBRUARI 2023